

Kelayakan sama masuk UMS: Najib

KOTA KINABALU: Kerajaan tidak boleh mengurangkan kelayakan kemasukan ke Universiti Sabah Malaysia (UMS) khususnya bagi pelajar Sabah kerana perkara itu akan hanya menjejaskan kualiti lulusan universiti berkenaan, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut beliau, penuntut-penuntut Sabah boleh memasuki UMS tanpa sebarang halangan selagi mereka mempunyai kelayakan yang ditetapkan.

"Kita tidak boleh mengurangkan standard kemasukan universiti kepada pelajar negeri ini kerana ianya tidak realistik...ia akan hanya menyebabkan kualiti ijazah yang dikeluarkan rendah atau tidak diiktiraf," katanya.

Najib berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai dakwaan pembangkang semasa kempen pilihan raya negeri bahawa pelajar Sabah dianaktirikan semasa memohon masuk ke UMS.

Beliau sebelum itu menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman penyerahan kompleks pejabat dan perumahan Kiansam bagi cawangan UMS di Labuan antara Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman.

Kompleks di tapak seluas kira-kira 50 hektar itu akan dijadikan kampus cawangan UMS di Labuan yang akan memulakan pengambilan pelajarinya seramai 500 orang pada Mei ini.

Menurut beliau jika pun pelajar yang tidak cukup kelulusan diambil, ini akan hanya membebaskan mereka dan mereka boleh gagal.

Mengenai dakwaan pembangkang bahawa penubuhan kerusi Kadazandusun di UMS yang diumumkan beliau bulan lepas adalah satu muslihat politik kerajaan Barisan Nasional

(BN) menjelang pilihan raya, beliau berkata ia suatu pemberian ikhlas kerajaan.

"Tak ada muslihat politik tetapi kesedaran atas perkembangan suku kaum yang mendapat tempat di negara kita," katanya.

Sementara itu, Dr Abu Hassan Othman berkata sesi Mei ini akan membolehkan pelajar mengikuti program yang ditawarkan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Beliau berkata SPKAL akan menawarkan empat program peringkat Sarjana Muda Sains iaitu Kewangan Antarabangsa, Perbankan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa dan Ekonomi Kewangan Antarabangsa.

Kursus-kursus itu sesuai dengan kedudukan Labuan sebagai sebuah pusat perbankan antarabangsa luar pesisir pantai terbaru di rantau ini, katanya.

Menurut Dr Abu Hassan, SSIL pula akan menawarkan program Sarjana Muda Sains Teknologi Multimedia.

Beliau berkata UMS juga merancang menubuhkan sekolah-sekolah baru seperti Sekolah Sains Maritim, Pengurusan Pelancongan dan Sekolah Pengajian Strategik Antarabangsa.

Dengan penambahan sekolah itu, kemasukan pelajar setiap tahun dijangka bertambah dan menjelang tahun 2005, bilangan pelajar akan menjangkau 4,500 orang.

Perjanjian hari ini ditandatangani antara Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Malaysia Haji Hamzah Ghazali yang mewakili Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Malaysia dengan Prof Dr Abu Hassan yang mewakili UMS.

Yang turut hadir di majlis itu ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gadam.



Najib

09 MARCH 1999
DAILY EXPRESS